

## KENYATAAN MEDIA

### **Tarif Elektrik Pengguna Domestik Kekal dan Kadar Surcaj Tarif Elektrik Turun Bagi Pengguna Bukan Domestik Di Semenanjung Malaysia Bagi Tempoh 1 Januari 2020 – 30 Jun 2020**

Putrajaya, 6 Disember 2019 – Kerajaan telah bersetuju untuk **mengekalkan kadar tarif elektrik pengguna domestik bagi tempoh 1 Januari 2020 hingga 30 Jun 2020** manakala **kadar surcaj tarif elektrik kepada pengguna bukan domestik diturunkan daripada 2.55 sen/kilowatt-jam (kWj) kepada 2.00 sen/kWj** iaitu pengurangan sebanyak 0.55 sen/kWj.

Keputusan ini dibuat berikutan terdapat penurunan dalam kos arang batu sebenar bagi tempoh Julai hingga Disember 2019. Namun begitu, purata harga arang batu sebenar bagi tempoh 6 bulan tersebut masih melebihi paras harga penanda aras yang ditetapkan dalam tarif asas bagi tempoh kawal selia kedua ("RP2") mekanisme ***Incentive-Based Regulation (IBR)*** dari tahun 2018 hingga 2020. Peningkatan harga ini adalah di luar kawalan Kerajaan kerana ia adalah berdasarkan kepada harga pasaran global. Di samping itu, permintaan elektrik yang lebih tinggi turut menyumbang kepada kenaikan kos bahan api dan kos yang berkaitan bagi tempoh Julai hingga Disember 2019.

Di bawah mekanisme ***IBR***, tarif elektrik asas bagi tahun 2018 hingga 2020 ditentukan dengan menetapkan harga penanda aras bahan api arang batu dan gas dalam tempoh tersebut. Sebarang **perbezaan kos sebenar dengan harga penanda aras bahan api dalam penetapan tarif asas akan diselaraskan setiap enam bulan di bawah mekanisme *Imbalance Cost Pass Through (ICPT)***, sama ada dalam bentuk surcaj atau rebat, bergantung kepada kos bahan api dan kos penjana lain dalam tempoh tersebut.

Ini bermakna bahawa kadar efektif tarif elektrik ialah kadar asas ditambah dengan surcaj ataupun kadar asas ditolak dengan rebat dan penyelarasan kos bahan api ***ICPT*** untuk tempoh 6 bulan melalui surcaj atau rebat akan dilakukan pada enam bulan seterusnya. Dengan erti kata

lain, kadar surcaj atau rebat ICPT, untuk Januari hingga Jun 2020 adalah ditentukan oleh harga bahan api Julai hingga Disember 2019.

Hasil semakan oleh Suruhanjaya Tenaga menunjukkan bahawa **RM376.45 juta perlu dilepaskan kepada pengguna di Semenanjung Malaysia melalui surcaj ICPT bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2020**, di mana RM62.95 juta perlu dilepaskan untuk kategori pengguna domestik manakala RM313.50 juta perlu dilepaskan untuk pengguna komersial dan industri.

Bagi pengguna domestik, **sebanyak RM 62.95 juta daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE)** akan digunakan untuk menampung surcaj ICPT **supaya tiada surcaj dikenakan kepada pengguna domestik. Ini bermakna pengguna domestik tidak mengalami sebarang peningkatan tarif elektrik selama 18 bulan berturut-turut.**

Untuk kategori pengguna komersial dan industri pula, surcaj sebanyak 2.55 sen/kWj telah dikenakan untuk tempoh Julai hingga Disember 2019. Oleh kerana **terdapat penurunan kos bahan api untuk tempoh 6 bulan ini**, kadar surcaj pengguna komersial dan industri akan **diturunkan sebanyak 0.55 sen/kWj daripada 2.55 sen/kWj kepada 2.00 sen/kWj.**

Dengan keputusan Kerajaan ini, sebanyak 7.4 juta pengguna domestik akan diberi pengecualian surcaj tarif elektrik manakala pengguna bukan domestik akan menikmati pengurangan surcaj iaitu pengurangan kadar efektif tarif elektrik dalam bil elektrik mereka.

Pada masa yang sama, pengguna boleh menganggarkan kadar tarif efektif pada masa akan datang dengan menggunakan kalkulator tarif elektrik yang dapat dicapai melalui portal [www.myelectricitybill.my](http://www.myelectricitybill.my). Kalkulator tersebut akan membantu pengguna menganggarkan bil elektrik bulanan mereka bagi tempoh 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020 dan membantu para pengguna elektrik khususnya pengguna komersial dan industri untuk membuat perancangan kewangan dengan lebih berkesan.

\*\*\*Tamat\*\*\*

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Kauthar Yusof/Nurdayani Hamsyah*

*Unit Harga Elektrik*

*Tel: +603-8870 8538 (Nurdayani)*

*Emel: [kauthar@st.gov.my](mailto:kauthar@st.gov.my) / [nurdayani@st.gov.my](mailto:nurdayani@st.gov.my)*

*Azlina Mohammad Jais/Zairulliati Mali*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: +603-8870 8500/8753/8598/8661/+6013 2183778 (Zairulliati)*

*Emel: [azlinamj@st.gov.my](mailto:azlinamj@st.gov.my) / [zairulliati@st.gov.my](mailto:zairulliati@st.gov.my)*